

# PSA UMS anjur Pertandingan Boling Bersama Media

UB K-2 2017 B2

Oleh MOHD AFIS ISMAIL  
(Pelatih UMS)

**PERSATUAN** Pelajar Pascasiswazah (PSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Pertandingan Boling Bersama Media bertemakan 'Lets Enjoy And Win', pada Sabtu.

Bertempat di My Bowl One Borneo Hypermall, Kota Kinabalu, ia disertai seramai 49 orang termasuk pelajar siswazah dan pascasiswazah UMS, staf UMS serta pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), North Borneo University College Alamesra, Sekolah Menengah Agama Kota Kinabalu dan orang awam.



**PESERTA** bersama Kassim (dua dari kiri) dan Jakaria (tiga dari kiri).



**PARA** pemenang pertandingan boling merakamkan gambar kenangan.

Acara bermula seawal jam 9 pagi dan program dirasmikan oleh Datuk Kassim Hj Md Mansur, salah seorang profesor di Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Perakaunan UMS.

Program bertujuan melahirkan pelajar proaktif yang tidak hanya bertumpu

dalam bidang akademik, malah juga aktif bidang bukan akademik.

Penglibatan PSA dalam program itu dapat meningkatkan motivasi dan mempromosi gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah.

Selain menyuntik semangat kesukanan dalam kalangan pelajar, ia juga berfungsi memberi kesedaran akan pentingnya

memelihara kesihatan luaran dan dalaman diri.

Jakaria Dasan selaku Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Pascasiswazah UMS berharap program sedemikian dipergiat untuk memantapkan lagi produktiviti pelajar.

"Selain program kepimpinan dan komuniti anjuran PSA, aktiviti riadah juga penting untuk merehatkan

minda sekaligus dapat meningkatkan kemahiran berfikir," katanya.

Pengarah Program, Rabbatul Adawiyah Amil Bangsa berpuas hati dengan respon positif daripada pelbagai pihak.

Katanya, selain mengeratkan ukhwah dalam kalangan peserta, ia juga dapat memupuk semangat perpaduan dalam program secara santai itu.

**BARISAN** pelajar pascasiswazah UMS.

